

**TEKS UCAPAN**  
**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN,**  
**NAIB CANSELOR**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)**  
**SEMPENA**  
**PELANCARAN PROJEK PERINTIS SULUH BACAAN**  
**PERINGKAT PARLIMEN PADANG BESAR**  
**PADA 24 FEBRUARI 2009,**  
**DI PERKARANGAN PERPUSTAKAAN CAWANGAN PADANG**  
**BESAR, PERLIS.**

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan  
Salam Sejahtera.

YAB Datuk Seri Dr. Md Isa Sabu, Menteri Besar Perlis,

YB Datuk Seri Azmi Khalid, Ahli Parlimen Padang Besar  
merangkap Penasihat Program Suluh Bacaan,

Yang berbahagia Profesor Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim, Ketua Satu PERTIWI

Yang berbahagia Dato' Hajah Rahmah Abdul Hamid, Ketua Dua PERTIWI

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff, Timbalan Naib Canselor UniMAP (Akademik Dan Antarabangsa),

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor UniMAP (Penyelidikan Dan Inovasi),

Pegawai-Pegawai Utama Universiti

Dekan - Dekan Dan Ketua-Ketua Jabatan UniMAP

wakil-wakil Media dan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama bersyukur kehadrat Allah Subhanahuwataala kerana hanya dengan limpah kurniaNya kita dapat bersama-sama pada hari yang berbahagia ini dalam **Pelancaran Projek Perintis Suluh Bacaan Peringkat Parlimen Padang Besar** ini.

Hadirin sekalian,

Apabila saya diberitahu mengenai program ini saya berasa sangat gembira dan bangga kerana UniMAP telah diberi peluang dan kesempatan untuk membantu anak-anak kecil negeri Perlis dalam program yang cukup bermanfaat ini.

Memang menjadi harapan UniMAP untuk mesra negeri kerana kami warga UniMAP sangat bersyukur dengan penerimaan masyarakat Perlis melalui kewujudan UniMAP di negeri ini.

Secara ikhlas saya katakan disini bahawa kami di UniMAP sangat ingin menjadi universiti penyumbang kepada pembangunan budaya ilmu di kalangan warga Perlis.

Sebagai sebuah universiti yang masih muda, UniMAP sebenarnya sudah mempunyai kepakarannya yang tersendiri. Atas kesedaran itulah kami ingin berkongsi ilmu itu untuk membantu kanak-kanak di negeri Perlis ini dengan apa cara

sekali pun kerana kami mahu kita bersama-sama berjaya dan membangun untuk memajukan negeri Perlis yang kita kasihi ini.

Tetapi saya sedar, bukan mudah untuk melaksanakan tanggungjawab yang besar itu sendirian, jadi program ini turut mendapat kerjasama daripada Pertubuhan Tindakan Wanita Islam Malaysia (PERTIWI) dan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis (PPANP) dan dalam konteks ini UniMAP sebagai rakan ilmu kepada warga Perlis akan membantu menyalurkan perkhimatan dan pengetahuan melalui khidmat sukarelawan Program Baca dan Cerita ini.

Hadirin sekalian,

Saya diberitakan bahawa seramai 50 warga UniMAP telah mendaftar untuk menjadi sukarelawan bagi program ini. Mereka yang terpilih ini akan dilatih dan dibahagikan kepada lima pasukan (termasuk staff jabatan lain di negeri Perlis) di lima Perpustakaan Desa yang tepilih sekitar negeri Perlis supaya mempunyai kemahiran komunikasi yang baik dan mampu berinteraksi dengan golongan kanak-kanak ini.

Saya pasti tugas para sukarelawan ini amat mencabar kerana mereka terpaksa memilih dan menyediakan bahan mereka sendiri untuk sesi bercerita itu nanti. Dan dari situ kita dapat

melihat bagaimana mereka (para sukarelawan) menjana idea dan mencipta kreativiti dan imaginasi mereka sendiri dalam menggendarikan sesi mereka itu.

Hadirin sekalian,

Dalam usaha kerajaan negeri untuk membangunkan Perlis sebagai ‘Negeri Ilmu’, saya pasti persiapan awal yang perlu dibuat ialah dengan menimbulkan minat dengan buku kepada kanak-kanak ini. Kita memilih anak-anak kecil ini dengan harapan timbulnya kesedaran tentang kepentingan membaca dan menyukai buku itu sedari awal tumbesaran mereka. Bak kata pepatah ‘Melentur buluh biarlah dari rebungnya’, begitulah halnya dengan anak-anak ini.

Kita juga sedia maklum bahawa tujuan kita menganjurkan program ini adalah untuk memupuk minat membaca di kalangan mereka. Apabila timbulnya minat membaca itu, secara sendirinya mereka akan mula menerokai ilmu dengan membaca pelbagai buku untuk menambahkan pengetahuan mereka. Saya amat pasti bahawa mereka akan mula menjana idea dari bahan bacaan mereka dan dari situ mereka akan belajar untuk menggunakan kreativiti mereka sendiri demi mengembangkan idea yang mereka janakan.

Percayalah, apabila kita berjaya menyemai minat membaca itu dalam diri mereka, adalah tidak susah kepada kita untuk membentuk jatidiri mereka mengikut acuan yang kita pilih dan saya yakin kita mampu melahirkan pelajar-pelajar yang cemerlang dan menyumbang kepada pembangunan negara amnya dan negeri Perlis khasnya.

Hadirin sekalian,

Kita sering mewar-warkan bahawa ingin melahirkan modal insan yang berminda kelas pertama. Apakah yang dimaksudkan minda kelas pertama itu? ‘Minda Kelas Pertama’ secara mudah difahami sebagai ciri-ciri modal insan yang mampu memenuhi **keperluan pembangunan individu, keluarga, masyarakat, negara dan dunia**. Ciri-ciri tersebut merangkumi aspek **penguasaan ilmu yang tinggi, sikap proaktif, kekayaan moraliti, budaya menyumbang untuk kepentingan bersama dan pembangunan yang bersifat holistik**.

Untuk berada di minda kelas pertama ini, saya kira hanya program seperti yang kita anjurkan inilah yang akan menjadi penentu ke mana arahnya mentaliti generasi kita akan datang. Kesedaran kita pada ketika inilah yang akan membantu negara kita untuk mencapai status negara maju kelak. Hal ini kerana, generasi yang bakal kita lahirkan ini

ialah bakal cerdik pandai yang akan memerintah negara ke  
mercu jaya.

Sebelum saya mengakhiri ucapan pada pagi ini, saya ingin  
menyampaikan dua rangkap pantun untuk pendengaran anda  
sekalian.

**Kemumu di tengah pekan**  
**Dihembus angin jatuh ke bawah**  
**Ilmu yang tidak diamalkan**  
**Bagai pohon tidak berbuah**

**Tumbuh melata si pokok tebu**  
**Pergi pasar membeli daging**  
**Bnyak harta tak ada ilmu**  
**Bagai rumah tidak berdinding.**

Sekian. Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum  
warahmatullahi taala wabarakatuh.